



KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN AKSES LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) KEPADA ORANG AWAM

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) komited dalam usaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dalam pelaksanaan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) di Malaysia. Laporan EIA adalah proses perancangan yang penting untuk mengawal kemerosotan alam sekitar dan memastikan aktiviti pembangunan dijalankan secara lestari.

Pada masa ini, JAS sentiasa memaparkan dan mengemaskini status keputusan Laporan EIA di laman JAS. Akses kepada Laporan EIA adalah terhad kepada aktiviti di bawah Jadual Kedua, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 semasa tempoh pameran awam.

Bagi menambahbaik sistem penyampaian dalam penilaian laporan EIA, JAS telah mengambil inisiatif untuk membenarkan akses orang awam kepada Laporan EIA yang telah diluluskan.

Dalam usaha mempertingkatkan kualiti penyampaian Laporan EIA, JAS telah menggariskan dua fasa penambahbaikan akses EIA oleh orang awam, iaitu fasa jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Bermula Februari 2025, untuk fasa jangka masa pendek, semua Ringkasan Eksekutif bagi Laporan EIA di bawah Jadual Pertama dan Jadual Kedua, Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015 akan tersedia untuk diakses oleh orang awam melalui laman web Perpustakaan Enviro Digital@JAS di pautan <https://edl.doe.gov.my/>.

Orang awam yang berminat untuk mengakses Laporan EIA secara keseluruhan boleh menghubungi Pejabat JAS Negeri atau Ibu Pejabat JAS.

Untuk fasa jangka masa panjang, JAS akan meneliti kebolehlaksanaan untuk membolehkan Laporan EIA dimuat turun dari laman web, dengan mengambil kira keperluan peruntukan, penggubalan undang-undang dalam cadangan pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling, serta keupayaan fasiliti yang akan dinaiktaraf.

Kementerian juga mengalu-alukan pandangan orang awam terhadap Laporan EIA bagi cadangan pembangunan tertentu semasa tempoh Pameran Awam Laporan EIA yang akan dimuat naik dari semasa ke semasa di laman web JAS.

Dengan adanya akses ini, Kementerian berharap tidak akan timbul sebarang keraguan terhadap Laporan EIA yang diluluskan oleh JAS. Orang awam juga diharapkan dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyumbang kepada pengurusan alam sekitar yang lebih lestari.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

22 JANUARI 2025

